

06/11/2004

50 peratus penduduk AS tentang dasar Bush

By Azuan Effendy Zaira

RAKYAT jelata Amerika sudah bersuara dan saya amat terharu dengan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap saya - begitulah kata-kata George Walker Bush selepas dinobatkan semula sebagai Presiden Amerika Syarikat (AS) dan terus kekal menguasai Rumah Putih.

Pada Pilihan Raya Presiden AS berakhir kelmarin, Bush menewaskan pesaingnya dari Parti Demokrat, Senator John Kerry pada pertembungan paling sengit dalam sejarah AS.

Kesimpulannya, Bush memperoleh 51 peratus undi popular dengan undi sebanyak 59,108,395 berbanding Kerry yang meraih 55,554,114 dengan 48 peratus undi popular.

Keputusan itu membuktikan Bush tidak memenangi kerusi Presiden AS dengan mudah. Beliau terpaksa menempuhi jalan yang sukar dan getir untuk terus mengekalkan kedudukannya.

Bahkan, menurut laporan akhbar perdana The New York Times sehingga ke saat-saat akhir, Bush masih lagi risaukan kedudukannya yang besar kemungkinan tercabar.

Melalui tinjauan yang dibuat oleh banyak agensi bebas, pada peringkat kempen, Kerry pernah mendahului Bush melalui pungutan suara. Malah, menurut penganalisis politik, Kerry jelas menundukkan Bush di dalam debat Presiden yang dijalankan sebanyak tiga kali.

Ini menunjukkan ramai di kalangan rakyat AS yang menentang dasar Bush yang jelas mencalar imej AS pada mata dunia. Pendekatan Bush yang mencampuri kedaulatan negara lain yang merdeka, tidak digemari kebanyakan rakyat.

Beliau memperlihatkan kecenderungannya untuk memporak perandakan dunia dengan polisinya yang penuh kezaliman dan ketidakadilan.

Ketika era Bush, penduduk dunia menangi nasib beribu-ribu rakyat yang tidak berdosa yang dilapah senjata canggihnya. Wanita dan kanak-kanak Iraq dan Afghanistan yang tidak berdosa menerima kesengsaraan dan keperitan. Entah siapa tahu nasib negara mana pula selepas ini.

Nescaya Bush akan meneruskan hasratnya untuk menjadi pemimpin adikuasa AS yang mampu memperkotak-katikan seluruh negara di dunia.

Bukan lagi menjadi rahsia bahawa Bush ingin menobatkan dirinya sebagai penguasa yang memimpin orde baru dunia.

Orde baru yang sentiasa menganggap Might is right atau yang kuat sememangnya benar. Malah Bush tidak segan silu mengumumkan perancangannya untuk membina pesawat robotik terpantas yang mampu menggempur dan memusnahkan segenap pelosok dunia yang memusuhinya dalam tempoh singkat.

Perkara ini juga diumumkan oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (Pentagon) yang mengatakan bahawa Amerika dalam perancangan untuk membina pesawat pengebom yang menggunakan teknologi robotik dan mampu meledakkan keseluruhan bumi sebagai sasaran kemusnahan dalam masa dua jam selepas ia dilancarkan.

Program pembinaan pesawat pemusnah ini dikenali sebagai Aplikasi Kuasa dan Pelancaran Dari Bumi Amerika Syarikat (Falcon).

Ia dikatakan mampu bergerak lapan kali lebih pantas daripada kelajuan bunyi dan boleh menjangkau kawasan sejauh 32,200 kilometer iaitu seluruh bumi. Beliau secara terbuka menginginkan Amerika Syarikat terus menjadi kuasa hegemoni dunia dengan memelopori ciptaan senjata pemusnah.

Sememangnya Bush bukanlah pemimpin yang popular mengikut pandangan negara dunia. Apatah lagi apabila beliau sering kali menyalahgunakan kuasa

veto AS untuk meniadakan keadilan dan kebenaran dijalankan di dalam membuat keputusan penting Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Berbekalkan kuasa veto inilah AS dilihat kebal daripada sebarang tindakan undang-undang walaupun tindakannya jelas bertentangan dengan prinsip asas jus cogen.

Kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang mengatakan bahawa dunia akan menjadi lebih huru-hara sekiranya Bush kekal berkuasa, jelas menunjukkan pendiriannya yang tegas dan penuh kebimbangan.

Pandangan Dr Mahathir nescaya mengundang sokongan daripada kebanyakan negara membangun dan Dunia Ketiga walaupun kebanyakan daripada mereka tidak berani bersuara menyebelahi mana-mana pihak. Malah reaksi daripada penduduk dunia dengan mengadakan bantahan demi bantahan menunjukkan kebanyakan penghuni dunia jelek dan benci Presiden yang tidak langsung tahu menghargai nilai jiwa dan nyawa manusia.

Pada Pilihan Raya Presiden yang baru berlalu, walaupun Bush menang, beliau tidak seharusnya mengukir senyuman gembira. Beliau juga tidak seharusnya mendabik dada dan menganggap beliau popular dan mendapat sokongan yang hebat daripada rakyat Amerika.

Apa yang jelas, melalui keputusan yang diterima hampir 50 peratus daripada rakyat AS menentanginya.

Golongan ini akan sentiasa meneliti setiap langkah dan tindakan yang bakal dilaksanakan oleh Presiden Bush. Justeru, sekiranya beliau menganggap beliau akan selesai membuat apa saja dasar selepas ini dengan kemenangan yang diperoleh, beliau sebenarnya tidak berpijak di bumi nyata.

Bush seharusnya sedar dan berwaspada mengenai hakikat 55 juta rakyat mengundi Kerry, malah kenyataan Kerry di dalam ucapannya sebaik saja keputusan diketahui wajar diambil peduli oleh Bush.

Ketika berucap di Dewan bersejarah Faneuil Hall, Boston Kerry berkata: "Kini rakyat AS sudah berpecah dua. Sekiranya Bush terus kekal dengan dasar antipenggunaan yang meniadakan keamanan dan demokrasi di dunia ini pada penggal yang baru, nescaya rakyat akan lebih marah dan menuntutnya untuk bertanggungjawab di atas segala yang dilaksanakan.

Beratus-ratus ribu rakyat Amerika yang beridealisme tinggi sudah berani bersuara dan membantah tindakan Bush apabila beliau menghantar tenteranya ke Iraq."

Mereka menyatakan bantahan, menghantar memorandum dan turun ke jalanan untuk menyatakan solidariti mereka terhadap keamanan dan keadilan.

Setiap kali perhimpunan dijalankan, beratus-ratus ribu akan bersama-sama termasuk artis Hollywood, ahli pertubuhan sivil dan rakyat biasa.

Mereka ini seperti air yang mendidih, menunggu masa untuk meledakkan kemarahan sekiranya penggal yang baru ini Bush mengulangi perkara sama.

AZUAN EFFENDY ZAIRA,
Persatuan Pelajar Islam
Asia Tenggara (PEPIAT),
Petaling Jaya, Selangor.

(END)